



KERATAN AKHBAR



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA, BLOK C, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
NO. 20 JALAN TUNKU ABDUL RAHMAN, PRESINT 3, 62100 PUTRAJAYA

AKHBAR	SUBJEK	TARIKH
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN <input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA <input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO <input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES <input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> KAHWIN & CERAI <input type="checkbox"/> TUNTUTAN <input type="checkbox"/> AKIDAH <input type="checkbox"/> JENAYAH SYARIAH <input checked="" type="checkbox"/> PELBAGAI	15/09/2023

CATATAN

Kota Kinabalu: Umur persaraan hakim mahkamah syariah di seluruh negara dicadang dinaikkan kepada 66 tahun berbanding 60 tahun ketika ini, selaras dengan umur persaraan hakim Mahkamah Sivil di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, perkara itu akan diteliti selaras keperluan semasa dan penambahbaikan institusi kehakiman syariah di negara ini.

Kata beliau, perkara itu juga antara yang disuarakan Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin ketika kunjungan hormat di Istana Seri Kinabalu, di sini, kelmarin.

Beliau berkata, Tun Juhar mendangkan supaya umur persaraan hakim syarie di Sabah dan di negeri lain disama rata dengan umur persaraan hakim mahkamah sivil ketika ini iaitu 66 tahun.

Cadang umur bersara hakim mahkamah syariah dinaikkan

"Ini kerana, ketika ini, umur persaraan bagi hakim syarie bukan sahaja di Sabah, malah di seluruh negara adalah 60 tahun," katanya.

Beliau berkata, menerusi cadangan itu, ia diyakini dapat memperkasakan lagi mahkamah syariah selain memastikan hakim dapat terus menyumbang kepada perkembangan perundangan kehaki-

man syariah di Sabah dan seluruh negara.

Dalam pada itu, Mohd Na'im berkata, lebih RM64 juta peruntukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tahun ini diagihkan di Sabah menerusi imbuhan tahunan dan elaun kepada

6,857 guru Kelas Asas Faru'du Ain (Kafa), imam, bilal, siak dan guru takmir.

Kata beliau, peruntukan itu bagi pembayaran imbuhan RM850 sebulan kepada 1,699 imam, RM900 sebulan kepada 421 guru takmir dan RM1,261.35 sebulan kepada 2,490 guru Kafa.

"Selain itu, peruntukan itu juga merangkumi caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) sebanyak RM232.80 setahun kepada 4,367 imam, bilal, siak dan guru takmir.

"Peruntukan ini juga termasuk bayaran khas sekali bayar RM600 kepada 1,699 imam, 2,247 bilal dan siak, 421 guru takmir dan 2,490 guru Kafa," katanya.

“Ketika ini umur persaraan bagi hakim syarie seluruh negara adalah 60 tahun
Mohd Na'im

